

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKAH SAHIIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI ISNIN, 13 OGOS 2018, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 17**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1411-L01191  
**Puan Rusnah binti Aluai [ Tangga Batu ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan dasar atau syarat-syarat pemberian bantuan kepada tiga kategori nelayan, iaitu nelayan tradisi, nelayan kerja kedua dan nelayan pesara Kerajaan. Adakah nelayan tradisi dilayan sama dengan kategori yang lain.
2. PR-1411-L00137  
**Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [ Jelebu ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan senarai terkini tol-tol yang akan dimansuhkan bagi membantu meringankan beban rakyat dan bilakah jangkaan ia akan dilaksanakan.
3. PR-1411-L00886  
**Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [ Johor Bahru ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan formula dan tempoh pelaksanaan bagi mengurangkan kesesakan dan tempoh masa menunggu terutamanya rakyat Malaysia yang hendak ke Singapura melalui Bangunan Sultan Iskandar-Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (CIQ), Johor.
4. PR-1411-L00442  
**Datin Mastura binti Mohd Yazid [ Kuala Kangsar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian ingin memastikan lunas-lunas Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dapat dijaga dengan baik bagi menjamin kesejahteraan negara.

5. PR-1411-L01348  
**Tuan Awang Husaini bin Sahari [ Putatan ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk menambah jumlah MRSM di negeri Sabah agar selari dengan kapasiti penduduk negeri Sabah sebanyak 3.9 Juta orang.
6. PR-1411-L01109  
**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [ Kuala Terengganu ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan setakat mana dasar Kerajaan dalam menggalakkan rakyat menggunakan bahan dan produk tempatan.
7. PR-1411-L01353  
**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [ Kalabakan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah terbaik untuk menggantikan sekolah-sekolah papan yang usang dan daif yang masih wujud di sekitar Parlimen Kalabakan.
8. PR-1411-L00121  
**Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [ Hulu Rajang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk membina balai polis di Pekan Sungai Asap, Belaga.
9. PR-1411-L01226  
**Dr. Hasan bin Bahrom [ Tampin ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kedudukan Yayasan Wakaf, perkembangan penerimaan masyarakat seluruh negara dan aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh Yayasan Wakaf tersebut.
10. PR-1411-L00755  
**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [ Sibuti ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah masalah "*Games Addiction*" dan Ketagihan Aplikasi Media Sosial dikategorikan sebagai masalah mental pada masa kini dan adakah pihak Kementerian telah menjalankan kajian mengenai masalah tersebut.
11. PR-1411-L00965  
**Tuan Noor Amin bin Ahmad [ Kangar ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang merombak formula penentuan jumlah agihan peruntukan kepada negeri-negeri untuk merapatkan jurang pembangunan antara negeri-negeri.

12. PR-1411-L00432  
**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [ Ketereh ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah rakyat akan menikmati harga minyak yang lebih rendah seperti yang dijanjikan oleh Kerajaan dan mengapakah mekanisme pengapungan harga mingguan masih dilaksanakan dan adakah ia mekanisme terbaik.
13. PR-1411-L00664  
**Laksamana Muda Dato' Pahlawan Danyal Balagopal Abdullah (B) [ Port Dickson ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk menaik taraf fasiliti-fasiliti dan mengembangkan kapasiti hospital di daerah Port Dickson yang kini tidak mampu menampung jumlah pesakit yang kian meningkat.
14. PR-1411-L00587  
**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah mekanisme pelaksanaan pemberian peruntukan kepada semua Ahli Parlimen termasuk pembangkang.
15. PR-1411-L01271  
**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan komitmen Kementerian melaksanakan penubuhan sekolah menengah Tamil seperti yang dijanjikan dalam Iltizam Kaum India Manifesto Pakatan Harapan. Nyatakan langkah-langkah yang telah diambil setakat ini ke arah pelaksanaan janji tersebut.
16. PR-1411-L01357  
**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [ Jasin ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rasional rancangan hendak meminjam dana Jepun.
17. PR-1411-L00899  
**Puan Maria Chin binti Abdullah [ Petaling Jaya ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rasional bagi mengekalkan dan mengkaji semula Akta Majlis Keselamatan Negara sedangkan akta tersebut memberi kuasa besar kepada Perdana Menteri dan memberi budi bicara yang luas kepada pasukan keselamatan untuk bertindak sewenang-wenangnya (*act with impunity*).
18. PR-1411-L01122  
**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [ Beluran ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan dasar luar negara yang baharu Kerajaan terutama dengan negara Singapura, China dan Amerika Syarikat.

19. PR-1411-L00293  
**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah RTM mempunyai rancangan untuk memperkenalkan siaran perlawanan Liga Perdana Inggeris (EPL) dan lain-lain liga sukan utama, sama ada menerusi sebuah model sub-lesen atau model yang lain dalam masa terdekat.
20. PR-1411-L00687  
**Puan Rubiah binti Haji Wang [ Kota Samarahan ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah inisiatif Kementerian untuk menangani masalah bekalan air terawat di seluruh negeri Sarawak termasuk di kawasan Samarahan khususnya di kawasan Muara Tuang, Asajaya dan Ensengei, Serian yang sering terganggu akibat kebocoran paip di dalam tanah yang sukar di kesan.
21. PR-1411-L00921  
**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [ Bagan Datuk ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kenapakah kos pembinaan Projek ECRL dari RM55 bilion menjadi RM70 bilion penambahan sebanyak RM15 bilion jauh lebih mahal anggaran kos terdahulu.
22. PR-1411-L00370  
**Tuan Ali bin Biju [ Saratok ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah syarat-syarat kelayakan penerimaan bantuan penanaman sawit dari MPOB yang melibatkan tanah adat Bumiputera ataupun tanah NCR di Sarawak.
23. PR-1411-L00733  
**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [ Bera ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan bilangan *homestay* yang berdaftar di negara ini dan langkah Kementerian untuk membantu penduduk luar bandar khasnya membina *homestay* yang dapat menambahkan pendapatan.
24. PR-1411-L00541  
**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah keperluan dan kewajaran para menteri mendedahkan pelbagai salah laku dan skandal sedangkan Jawatankuasa Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan sudah diwujudkan untuk meneliti perkara tersebut.

25. PR-1411-L00814  
**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [ Ledang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah aset 1Malaysia Development Bhd. (1MDB) yang telah dirampas di luar negara setakat ini dan bagaimana Kerajaan mengambil balik aset ini kepada Malaysia.
26. PR-1411-L01161  
**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah pendirian Kementerian terhadap Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang dijanjikan akan dimansuhkan seperti yang terkandung dalam manifesto Kerajaan baru.
27. PR-1411-L00735  
**Tuan Wong Kah Woh [ Ipoh Timur ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kehilangan pungutan cukai akibat daripada penurunan kadar Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dari 6% pada 1 Jun 2018 sehingga sekarang. Di manakah Kerajaan memperoleh sumber pendapatan yang lain untuk menampung kehilangan cukai ini.
28. PR-1411-L00179  
**Dato' Mansor Othman [ Nibong Tebal ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah rancangan Kementerian bagi tangani isu/permasalahan serangan padi angin yang ternyata mengancam pulangan hasil penuaian padi dan pendapatan petani.
29. PR-1411-L00403  
**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan memperhebatkan keselamatan di pantai timur Sabah.
30. PR-1411-L01084  
**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini siasatan isu 1MDB, adakah Kerajaan tidak bercadang menubuhkan Suruhanjaya Diraja sebagaimana diuar-uar sebelum ini.
31. PR-1411-L00844  
**Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status monopoli aktiviti pendaftaran pekerja asing dan PATI tiga buah syarikat MyEg, Iman Sdn. Bhd. dan Bukti Megah Sdn. Bhd. Nyatakan sama ada Jabatan Imigresen akan mengambil alih semula semua kerja-kerja pendaftaran pekerja asing tanpa melibatkan kontraktor swasta.

32. PR-1411-L01082  
**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [ Sandakan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini projek naik taraf Pelabuhan Sepanggar yang dijangka mengambil kos sebanyak RM1 bilion.
33. PR-1411-L00408  
**Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [ Julau ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status pelaksanaan projek membina Jalan Nanga Entabai - Nanga Engkamop, Julau (Fasa 1 - sepanjang 9 km sampai Nanga Sengaih, Entabai). Projek tersebut mula dibina pada November 2014 dan dijadualkan siap pada Februari 2016 tetapi masih belum siap sampai sekarang walaupun sudah diberi kelonggaran hingga September 2017.
34. PR-1411-L00829  
**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana kesediaan Kementerian dalam mengiktiraf kaedah 'perubatan Islam' dan perubatan tradisional sebagai *complementary medicine* dalam SOP perawatan di hospital Kerajaan.
35. PR-1411-L00398  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bilakah Akta Anti Berita Tidak Benar akan dimansuhkan:-
- (a) bagaimana MCMC dapat mengawal penyebaran berita palsu; dan
  - (b) bilakah kelajuan jalur lebar dapat dilipat gandakan manakala kadar bayaran bulanan dikurangkan separuh.
36. PR-1411-L01223  
**Tuan Hasanuddin bin Mohd Yunus [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan pendirian Kerajaan berkenaan dengan pekerja-pekerja asing dan usaha menangani kehadiran mereka.
37. PR-1411-L01095  
**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah jawatan pembantu guru akan diwujudkan secara tetap di sekolah-sekolah, sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam manifesto Pakatan Harapan semasa Pilihan Raya Ke-14 baru-baru ini.

38. PR-1411-L00891

**Tuan Chan Foong Hin [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status penaiktarafan Pelabuhan Sepanggar dengan anggaran RM1 bilion yang diumumkan terdahulu.

39. PR-1411-L00732

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil kepada kontraktor bertanggungjawab ke atas insiden di SMK Tuanku Abdul Rahman Gemas, Negeri Sembilan pada 13 Februari 2018 yang mengakibatkan kematian seorang pelajar yang bernama Nur Atini binti Roslan. Nyatakan langkah-langkah yang dcederakan untuk mengelakkan kejadian yang sama berlaku pada masa hadapan.

40. PR-1411-L01039

**Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [ Batu ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) untuk tujuan apakah Malaysian Aviation Commission (MAVCOM) mengutip tambahan RM1 dari setiap tiket penerbangan sedangkan Malaysia Airport MASB sudah meletakkan cukai penerbangan yang tinggi ; dan
- (b) mengapakah Malaysian Aviation Commission (MAVCOM) melantik International Air Transport Association (IATA) untuk mengutip cukai tersebut.

41. PR-1411-L00111

**Tuan Chow Kon Yeow [ Tanjong ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan proses kelulusan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) untuk Pulau Pinang sehingga kini. Senaraikan permohonan-permohonan bagi seluruh negara berserta kos dan tempoh kelulusan.

42. PR-1411-L00993

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [ Sik ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa banyak IPTS dari luar negara yang telah dibuka di Malaysia dan adakah IPTS tersebut selari dengan dasar negara mengenai kurikulum, etika pakaian pelajar dan pensyarah luar dan pembelajaran Bahasa Kebangsaan.

43. PR-1411-L00085

**Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah nilai sebenar seluruh dana 1MDB dan tempat-tempat di mana dana itu tersimpan.

44. PR-1411-L01184  
**Dato' Sri Azalina Othman Said [ Pengerang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk membuat pindaan kepada perundangan yang sedia ada bagi memansuhkan hukuman mati sepenuhnya, sekiranya ya, apakah undang-undang tersebut dan bilakah cadangan pindaan tersebut akan dibentangkan di Parlimen.
45. PR-1411-L00630  
**Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) statistik jenayah juvana dalam kalangan pelajar sekolah mengikut pecahan negeri dari tahun 2013 sehingga 2017; dan
  - (b) langkah proaktif untuk membanteras perlakuan jenayah juvana dan merencana reformasi moral golongan pelajar.
46. PR-1411-L00851  
**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [ Tumpat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk membuka semula kertas siasatan terhadap kes-kes besar negara seperti kes PKFZ, BMF dan kematian misteri Jalil Ibrahim, Maminco, Perwaja Steel, Tragedi Memali, Ops Lalang, Altantuya dan sebagainya.
47. PR-1411-L00053  
**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [ Jelutong ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan berhasrat untuk melaksanakan dengan segera projek memperlebarkan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang termasuk pembinaan tempat parkir kereta bertingkat yang baru kerana semua kemudahan yang sedia ada tidak mampu menampung peningkatan pelancong yang makin meningkat.
48. PR-1411-L01360  
**Tuan Ahmad bin Hassan [ Papar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah boleh dijalankan siasatan di bawah SPRM kepada pegawai SPR yang terlibat agar proses pilihan raya lebih telus.
49. PR-1411-L00265  
**Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [ Baling ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah inisiatif Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang merupakan pelan jangka panjang untuk membentuk Malaysia akan diteruskan oleh pihak Kerajaan.

50. PR-1411-L01150  
**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [ Padang Terap ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah pihak Kerajaan akan memansuhkan tol bagi mengurangkan bebanan kos sara hidup rakyat sepertimana yang terkandung di dalam dokumen manifesto Buku Harapan.
51. PR-1411-L01285  
**Tuan Lim Kit Siang [ Iskandar Puteri ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status pembukaan semula kes pembunuhan Shaaribuu Althantunya.
52. PR-1411-L01261  
**Tan Sri Noh bin Haji Omar [ Tanjong Karang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang melantik Ketua Pembangkang sebagai Pengerusi PAC.
53. PR-1411-L00066  
**Dato' Sri Hasan bin Arifin [ Rompin ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan isu hutang isi rumah yang semakin meningkat dan apakah langkah bagi mengurangkan beban yang ditanggung oleh setiap keluarga.
54. PR-1411-L00416  
**Tuan Cha Kee Chin [ Rasah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada kes siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ke atas Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan yang terhenti selama beberapa tahun akan dibuka semula dan apakah status siasatan sebelum ini.
55. PR-1411-L00877  
**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [ Kuala Krau ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah sebab utama harga barangan masih tidak turun, malah terus meningkat walaupun GST telah berada pada Kadar Sifar (*Zero Rated*).
56. PR-1411-L00962  
**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah terperinci mengikut pecahan Kementerian pegawai lantikan secara kontrak yang telah ditamatkan atau dipendekkan kontrak perkhidmatan secara tergesa-gesa baru-baru ini.

57. PR-1411-L00688

**Tuan Mordi Bimol [ Mas Gading ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan status projek-projek yang pernah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan sebelum ini yang belum dilaksanakan terutamanya projek-projek yang melibatkan pembangunan infrastruktur asas, pendidikan serta kesihatan di kawasan luar bandar dan sebagai contoh adalah Projek Pembinaan Jambatan Kampung Selampit di Mas Gading.

58. PR-1411-L00255

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [ Lenggong ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan prestasi sebenar ekonomi negara seperti yang dimaklumkan oleh badan penarafan dunia dan sejauh mana kesahihan hutang negara sebanyak RM1 trilion seperti yang dinyatakan oleh Kerajaan.

59. PR-1411-L01028

**Tuan Wong Ling Biu [ Sarikei ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sejauh manakah harga barang dikurangkan selepas GST dimansuhkan.

60. PR-1411-L01281

**Tuan Arthur Joseph Kurup [ Pensiangan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci perancangan pihak Kementerian berkenaan status Zon Keselamatan Pantai Timur Sabah (ESSZONE) adakah ia akan diteruskan atau sebaliknya.

61. PR-1411-L00178

**Tuan Robert Lawson Chuat [ Betong ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sebab permohonan projek rumah mesra rakyat di kawasan Betong, Sarawak yang tidak diluluskan dan berapakah jumlah yang telah diluluskan sejak tahun 2010.

62. PR-1411-L01066

**Tuan Che Alias bin Hamid [ Kemaman ]** minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan apakah langkah yang diambil bagi mempromosi kemasukan pelajar lepasan sekolah menengah bagi memasuki Institut Latihan Perindustrian.

63. PR-1411-L00948

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-

- (a) apakah indikator yang digunakan dalam melaporkan harga sayur-sayuran dan daging telah turun sebanyak 30 hingga 50 peratus pada musim perayaan baru-baru ini disebabkan pemansuhan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) sedangkan kesemua barangan kawalan sememangnya tidak dikenakan GST oleh Kerajaan sebelum ini; dan
- (b) senaraikan barang-barangan yang telah diturunkan harga antara 30 hingga 50 peratus sejak sifar GST diperkenalkan.

64. PR-1411-L00758

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [ Larut ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengenai pembatalan projek High Speed Rail, MRT3 dan ECRL, berapakah jumlah pampasan yang perlu dibayar oleh Kerajaan kepada syarikat konsesi akibat pembatalan tersebut.

65. PR-1411-L00495

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [ Tanah Merah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berikutan pemansuhan tiga pasukan khas dalam Polis Diraja Malaysia iaitu STING, STAFOC dan STAGG, apakah langkah yang akan dilakukan bagi memastikan kegiatan jenayah melibatkan bidang kuasa ketiga-tiga pasukan khas itu tidak berleluasa.

66. PR-1411-L00271

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha bagi merealisasikan janji untuk melanjutkan tempoh mula bayar pinjaman PTPTN hanya apabila pendapatan bulanan kasar mencapai RM4,000.

67. PR-1411-L00161

**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [ Mersing ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan :-

- (a) apakah punca harga minyak sawit semakin menyusut dan punca eksport minyak sawit semakin menurun berbanding tahun lepas; dan
- (b) apakah usaha atau langkah Kementerian untuk meningkatkan harga minyak sawit serta usaha Kementerian untuk menangani sekatan terhadap import minyak sawit oleh Kesatuan Eropah (EU) dan meningkat permintaan minyak sawit oleh negara-negara lain.

68. PR-1411-L00568  
**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [ Jeli ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan kemajuan pelaksanaan Digital Free Trade Zone setakat ini dan impak kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menjelang tahun 2020.
69. PR-1411-L01240  
**Brig Jen Khairy Jamaluddin [ Rembau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah komitmen, langkah dan jangka masa yang akan diambil Kerajaan untuk melaksanakan reformasi Parlimen.
70. PR-1411-L01170  
**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan justifikasi secara terperinci perancangan untuk menggabungkan Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA).
71. PR-1411-L01398  
**Tuan Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [ Tambun ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan siasatan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) ke atas 1MDB telah tertangguh berikutan pelantikan Hasan Arifin sebagai Pengerusi ketika itu yang kemudiannya membersihkan laporan tersebut. Sejajar dengan amalan antarabangsa, adakah Kerajaan bercadang untuk memperkasakan PAC dengan memastikan ahli-ahlinya dilindungi dari campurtangan politik.

**PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT**  
**MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN**  
**UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA**

1. **Menteri Pengangkutan**

- \* Rang Undang-undang Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (Pembubaran) 2018.

2. **Menteri Pengangkutan**

- \* Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2018.

---

\* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. ( D.R.15/2018 ) Rang Undang-undang Perbekalan **Bacaan Kali**  
(Penguntukan Semula Peruntukan **Yang Kedua**  
Perbelanjaan) 2018

**[ Menteri Kewangan ]**

**DAN**

**Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"BAHAWASANYA, berikutan dengan Pilihan Raya Umum Keempat Belas, beberapa kementerian telah disusun semula dan dinamakan semula, beberapa kementerian baharu telah ditubuhkan dan satu kementerian telah dibubarkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan kepada kementerian-kementerian lain:

DAN BAHAWASANYA Perbelanjaan Pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu serta kementerian yang dibubarkan telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2018:

DAN BAHAWASANYA terdapat keperluan untuk menyelaraskan peruntukan perbelanjaan berkenaan dengan beberapa kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula itu berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsinya:

DAN BAHAWASANYA amaun yang belum dibelanjakan berhubung dengan kementerian yang telah dibubarkan dan kementerian-kementerian yang peruntukan perbelanjaannya perlu dikurangkan itu akan disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406]:

DAN BAHAWASANYA menurut subseksyen 4(2), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], penguntukan semula peruntukan perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula dan kementerian-kementerian baharu itu hanya boleh dibuat melalui suatu Usul yang diluluskan oleh Dewan ini:

BAHAWA DEWAN INI, mengikut subseksyen 4(3), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang sebanyak enam bilion dua ratus dua puluh sembilan juta lapan ratus lima ribu tiga ratus enam puluh satu ringgit (RM6,229,805,361) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2018, bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2018 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 2018 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang ketujuh dan kelapan Penyata tersebut dan Usul ini disifatkan telah berkuat kuasa pada 2 Julai 2018. "

2. ( D.R.14/2018 ) Rang Undang-undang Antiberita Tidak **Bacaan Kali**  
Benar (Pemansuhan) 2018 **Yang Kedua**

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

3. PR-1411-U(27)003  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Menteri Pendidikan memperjelaskan Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar Sijil Peperiksaan Bersepadu (*Unified Examination Certificate-UEC*) supaya lepasan UEC boleh memohon untuk kemasukan universiti awam sesi pengambilan 2018/2019 yang bermula pada awal September 2018."

**[ Menteri Pendidikan ]**

4. PR-1411-U(27)004  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Kementerian perlu mempunyai satu pendekatan yang sistematik dalam menyalurkan peruntukan tahunan dan dana khas untuk pembangunan serta penyelenggaraan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (SMJK) (*confirming school*) dan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) tanpa mengabaikan Sekolah Kebangsaan serta sekolah aliran lain Kementerian juga perlu mengumumkan garis panduan kelulusan pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) yang baharu serta penempatan semula SJK(C) yang kurang murid ke kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi seharusnya menjadi sebahagian daripada perancangan pendidikan oleh Kementerian agar SJK(C) turut menjadi arus perdana sistem pendidikan kebangsaan."

**[ Menteri Pendidikan ]**

5. PR-1411-U(27)005  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil satu ketetapan mengenai lambakan kes permohonan kewarganegaraan oleh kaum India dan Cina yang tertunggak sekian lama agar ia dapat diproses dengan segera serta diluluskan dalam tempoh tiga sehingga enam bulan."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

6. PR-1411-U(27)006

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Perdana Menteri untuk membatalkan projek kereta nasional baru apabila kegagalan Proton perlu diambil iktibar dan menumpu kepada usaha Kerajaan dalam menangani isu-isu industri automotif dalam negara serta memperkukuhkan industri automotif secara holistik selaras dengan Dasar Automotif Nasional."

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

7. PR-1411-U(27)007

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Menteri Kewangan untuk membahaskan kaedah mengira hutang negara yang mengambil kira liabiliti luar jangkaan serta pajakan pengkongsian awam-swasta berbanding dengan kaedah antarabangsa seperti IMF dan jika Menteri menggesa untuk mengamalkan pengiraan baru ini, ia perlu dibentang untuk kelulusan dari Parlimen."

**[ Menteri Kewangan ]**

8. PR-1411-U(27)008

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Perdana Menteri untuk membentangkan butiran-butiran termasuk terma-terma dan tujuan yang terlibat dalam permintaan kredit yen dari Kerajaan Jepun dan ia dibahas dalam Dewan ini."

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

9. PR-1411-U(27)009

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan apakah rancangannya untuk mempertingkatkan perkhidmatan pengangkutan awam dalam negara terutamanya di sekitar daerah Klang yang mana kesesakan lalu lintas dianggap mengakibatkan kehilangan 1.11% kepada 2.2% daripada KDNK terutamanya pengumuman pembatalan MRT3 telah dibuat."

**[ Menteri Pengangkutan ]**

10. PR-1411-U(27)001

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan yang mulia ini akan mencadangkan kepada Kerajaan supaya memulihkan semula Pilihan Raya Kerajaan Tempatan bagi membolehkan warga kota memilih sendiri wakil-wakil untuk berkhidmat dalam Majlis Kerajaan Tempatan."

**[ Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan ]**

11. PR-1411-U(27)002

**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menyatakan kehilangan kepercayaan dan ketidakyakinan terhadap Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), iaitu Tan Sri Othman Bin Haji Mahmood, dan lima anggota SPR yang lain, iaitu Dato' Md Yusop Bin Haji Mansor, Datuk Haji Abdul Aziz Bin Khalidin, Haji Sulaiman Bin Haji Narawi, Dato' Bala Singam A/L Karupiah, dan Dato' Leo Chong Cheong, dan oleh itu menuntut agar mereka meletak jawatan sebagai anggota SPR dengan serta-merta."

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2018</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
DR.5	Penyata Khas Jawatankuasa Pemilih Dewan Rakyat Yang Keempat Belas Menurut Peraturan Mesyuarat 76(2) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat	13 Ogos 2018
ST.68	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) Bagi Tahun 2016	13 Ogos 2018

**\*\*UCAPAN-UCAPAN  
( PERATURAN MESYUARAT 17 )  
( KAMAR KHAS )**

<b>Tarikh Ucapan</b>	<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>
1. 13.08.2018 (Isnin)	1. YB Tuan Wong Kah Woh (Ipoh Timur)	1. Ops Gading Yang Telah Menimbulkan Rasa Cemas Dan Kerisauan Pekebun-pekebun Di Cameron Highlands	1. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri
2. 13.08.2018 (Isnin)	2. YB Tuan Ahmad Bin Hassan (Papar)	2. Memohon Untuk Pembinaan Jambatan Kedua Di Pekan Papar	2. YB Menteri Kerja Raya

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**